


UMS Lambang Kecemerlangan dan Keharmonian 1Malaysia



NST 20.10.2012 11

Tanggal 24 November 1994 menjadi tarikh keramat buat seluruh penduduk di negeri Sabah apabila menyaksikan hasrat penubuhan sebuah universiti di negeri ini telah menjadi realiti. Pada langkah pertama, hanya 13 kakitangan pengurusan dibantu oleh 26 kakitangan sokongan mula merangka pelan pembangunan UMS. Memulakan operasi di Kota Kinabalu, UMS bermula dengan tiga buah sekolah iaitu Sekolah Sains dan Teknologi (SST), Sekolah Sains Sosial (SSS) dan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE). Sebuah pusat pengajian liberal, iaitu Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) turut ditubuhkan, yang memperlihatkan keunikan UMS berbanding universiti yang ada di Malaysia pada ketika itu. Pada masa itu, UMS menumpang di tiga kawasan berbeza, iaitu di Bangunan Gaya Centre Kota Kinabalu yang menempatkan pentadbiran dan pengurusan, Kampus Teluk Likas dan Kampus Jalan Tuaran. Kemudahan yang masih belum lengkap dan kekurangan dari segi prasarana tidak merencatkan keazaman pelajar-pelajar sesi pertama yang berjumlah 207 untuk terus melakar kecemerlangan. Bermotokan semangat 'Bertekad Cemerlang', pengurusan dan tenaga akademik UMS sentiasa memperbaiki dan melakarkan kegemilangan universiti di pentas kebangsaan dan antarabangsa.

Sejak tahun 1999, operasi UMS berpindah sepenuhnya ke kampus tetap di Teluk Sepanggar yang diiktiraf sebagai kampus yang ceria dan paling cantik di Malaysia. Ia menempatkan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM), Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS), Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS), Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP), Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA), Sekolah Pengajian Seni (SPS), Sekolah Perubatan (SPU) serta tiga buah institut, iaitu Penyelidikan

Marin Borneo, Institut Penyelidikan Bioteknologi dan Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan.

UMS juga mempunyai cawangan di Labuan sejak 1999 yang dinamakan Kampus Antarabangsa Labuan yang menempatkan dua buah sekolah, iaitu Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) dan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa (SPKAL).

Universiti Malaysia Sabah terus berkembang pesat dan berjaya mengembangkan sayapnya ke bahagian Pantai Timur Sabah dengan membina sebuah lagi kampus cawangan bertempat di Batu 10, Sungai Batang Sandakan. Dengan keluasan sebanyak 244.64 ekar, kampus tersebut yang menempatkan bangunan Sekolah Pertanian Lestari (SPL) telah beroperasi sepenuhnya pada penghujung tahun 2011.

Kewujudan UMS bukan sahaja dilihat sebagai satu lambang kecemerlangan ilmu bagi pelajar muda. Masyarakat dari ceruk daerah menjadikan UMS sebagai tempat memenuhi ijazah pertama dan kedua bagi kakitangan kerajaan dan swasta yang sebelum ini sukar untuk meneruskan pendidikan di peringkat yang lebih tinggi. UMS melalui Pusat Luar Kampus (PLUMS) membuka cawangan di setiap daerah seperti Tawau, Sandakan dan Keningau bagi tujuan tersebut.

Hakikatnya, UMS yang menjadi kebanggaan rakyat Sabah secara khusus dan Malaysia secara amnya, mencetuskan fenomena baru kepada kegemilangan negeri Sabah yang sebelum ini tidak begitu dikenali. Keberadaan UMS dan kredibiliti tenaga kerja dan pelajar-pelajarnya melonjakkan nama negeri Sabah sekali gus menjadi jambatan perpaduan antara kerajaan negeri dan pusat. Kepelbagaian etnik pelajar di UMS menjadi lambang konsep 1Malaysia. Pelajar-pelajar UMS adalah cerminan kepelbagaian etnik masyarakat Malaysia secara keseluruhan.

